

KAMAR HAKIM BESAR  
MALAYA  
MAHKAMAH AGUNG  
BANGUNAN SULTAN ABDUL SAMAD  
JALAN RAJA  
50506 KUALA LUMPUR

---

Bil:(3)d/m.JK/MA 248 J.III

Tarikh: 12 Mei 1994

YA Hakim-Hakim / Pesuruhjaya kehakiman  
Mahkamah Tinggi Malaya

Semua Hakim Mahkamah Sesyen  
Semenanjung Malaysia

Semua Timbalan Pendaftar  
Mahkamah Tinggi Malaya

Semua Majistret  
Semenanjung Malaysia

Yang Arif/Tuan/Puan,

SURAT PEKELILING HAKIM BESAR MALAYA  
NO 3 TAHUN 1994

---

Per : Permohonan Pembelian Bahan-Bahan  
Rujukan Untuk Perpustakaan Mahkamah  
Tinggi, Mahkamah Sesyen dan Mahkamah  
Majistret

---

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas dan memaklumkan bahawa mulai tarikh Surat Pekeliling ini semua permohonan pembelian bahan rujukan hendaklah dibuat mengikut borang yang dilampirkan. Namun demikian, bahan koleksi Akta boleh dibeli terus dan keutamaan pesanan adalah daripada Percetakan Nasional Malaysia Bhd.

...2/-

Borang Permohonan Pembelian Bahan-Bahan Rujukan Untuk Perpustakaan  
Mahkamah Tinggi, Mahkamah Sesyen Dan Mahkamah Majistret

---

Bil.	Judul	Sebab-sabab buku berkenaan diperlukan sebagai bahan rujukan	Pernakkah buku ini dibeli; jika pernah, mengapa teks tambahan diperlukan	Harg

Nama Pemohon :

Jawatan :

Mahkamah :

Tarikh :

-2-


2. Bagi Mahkamah Tinggi, seperti amalan biasa permohonan hendaklah dibuat atas borang tersebut dan hendaklah dihantar kepada Ketua Pendaftar Mahkamah Agung untuk mendapatkan kelulusan daripada saya.

3. Bagi Mahkamah Sesyen dan Mahkamah Majistret, permohonan hendaklah juga dibuat atas borang tersebut. Permohonan ini hendaklah dihantar melalui Hakim Kanan Mahkamah Sesyen selaku Ketua bagi Pusat Tanggungjawab dalam negeri masing-masing untuk dikemukakan kepada YA Hakim Mahkamah Tinggi yang terkanan dalam negeri masing-masing untuk kelulusan. Satu salinan senarai bahan-bahan rujukan yang diluluskan oleh YA Hakim Mahkamah Tinggi negeri masing-masing hendaklah dihantar kepada Ketua Pendaftar Mahkamah Agung untuk rekod.

4. Pihak Ketua Pusat Tanggungjawab perlu menyediakan peruntukan tiap-tiap tahun untuk pembelian bahan-bahan rujukan yang diluluskan dan bahan-bahan rujukan ini hendaklah ditempatkan di Perpustakaan Mahkamah Tinggi atau Perpustakaan Mahkamah Sesyen / Majistret bagi kegunaan bersama.

5. Bagi permohonan-permohonan daripada Mahkamah Sesyen dan Mahkamah Majistret yang telah dihantar kepada Ketua Pendaftar Mahkamah Agung pada tahun ini, sila kemukakan semula permohonan tersebut kepada YA Hakim Mahkamah Tinggi yang terkanan dalam negeri masing-masing untuk kelulusan melalui Hakim Kanan Mahkamah Sesyen masing-masing.

6. Pekeliling Pendaftar No. (8) Tahun 1990 adalah dengan ini dibatalkan.

  
(TAN SRI DATUK GUNN CHIT TUAN )  
Hakim Besar Malaya

s.k.

Y.A.A. Ketua Hakim Negara

Y.A.A. Hakim Besar Borneo

Y.A. Hakim-Hakim Mahkamah Agung

Ketua Setiausaha Kementerian Undang-Undang

Ketua Pendaftar Mahkamah Agung Malaysia

Pendaftar Mahkamah Tinggi Malaya

Pustakawan Mahkamah Agung Kuala Lumpur